



**TEKS**

**KHUTBAH**

**NEGERI PAHANG**

**SIRI 03/2024**



## KEDATANGAN RAMADAN

01 Mac 2024 | 20 Syaaban 1445H

الْحَمْدُ لِلّٰهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ

أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللّٰهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِي لَهُ.

وَأَشْهُدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللّٰهِ، إِتَّقُوا اللّٰهَ وَأُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَّقُوا اللّٰهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama bertakwa kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan sebenar-benar takwa, iaitu dengan melaksanakan segala perintah dan seruan-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya kerana dengan takwa sahajalah kita akan mendapat reda Allah Subhanahu wa Taala di dunia dan akhirat.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Kehadiran bulan Ramadan yang dinanti-nanti akan tiba. Orang yang beriman sedar bahawa ia merupakan rahmat daripada Allah Subhanahu Wa Taala kepada hamba-hamba-Nya. Mereka memahami bahawa Ramadan bukan hadir dengan ‘tangan kosong’, tetapi dipenuhi ganjaran dan dilimpahi dengan kurniaan daripada



Allah Subhanahu Wa Taala. Justeru, terpulanglah kepada kita sama ada untuk menerima kehadiran Ramadan kali ini dengan memuliakannya atau membiarkan ia berlalu begitu sahaja.

Galakan untuk menyambut bulan ini dengan penuh rasa kegembiraan tertulis dalam hadis Rasulullah Sallalahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Imam al-Tabrani:

قَدْ أَتَاكُمْ رَمَضَانُ سَيِّدُ الشُّهُورِ فَمَرْحَبًا بِهِ وَاهْلًا جَاءَ شَهْرُ الصِّيَامِ بِرَبَّكَاتٍ فَأَكْرَمْ بِهِ

**Yang bermaksud:** “*Telah datang kepadamu bulan Ramadan, penghulu segala bulan. Maka hendaklah engkau mengucapkan selamat datang kepadanya. Telah datang bulan puasa dengan segenap berkah di dalamnya maka hendaklah engkau memuliakannya.*”

Rasulullah Sallalahu Alaihi Wasallam menyebut-nyebut kelebihan bulan Ramadan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad:

قَدْ جَاءَكُمْ رَمَضَانُ شَهْرٌ مُبَارَكٌ افْتَرَضَ اللَّهُ عَلَيْكُمْ صِيَامَهُ يُفْتَحُ فِيهِ أَبْوَابُ الْجَنَّةِ

وَيُغْلَقُ فِيهِ أَبْوَابُ الْجَهَنَّمِ وَتُغَلَّ فِيهِ الشَّيَاطِينُ فِيهِ لَيْلَةٌ خَيْرٌ مِنْ أَلْفِ شَهْرٍ

**Yang bermaksud:** “*Telah datang bulan Ramadan, bulan penuh berkah, maka Allah mewajibkan kalian untuk berpuasa pada bulan itu. Saat itu pintu-pintu syurga dibuka, pintu-pintu neraka ditutup, syaitan diikat dan pada bulan itu pula terdapat satu malam yang nilainya lebih baik dari seribu bulan.*”

## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu Wa Taala

Ramadan merupakan bulan tarbiah iaitu bulan yang mendidik setiap individu muslim agar kembali mengabdikan diri kepada Allah Subhanahu Wa Taala. Ibadah



puasa bukan sekadar menahan diri daripada lapar dan dahaga, bahkan ia juga berperanan mendidik mata daripada melihat perkara yang diharamkan, telinga daripada mendengar umpatan, lidah daripada menuturkan fitnah dan cacian, tangan daripada melakukan dosa dan permusuhan, kemaluan daripada melakukan kemaksiatan dan kaki daripada melangkah ke arah kejahatan dan kemungkaran. Ibadah puasa juga mendidik kita bersifat ihsan dan melaksanakan tuntutan agama dengan penuh keikhlasan. Rasulullah Sallalahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari:

مَنْ لَمْ يَدْعُ قَوْلَ الزُّورِ وَالْعَمَلَ بِهِ فَلَيْسَ لِلَّهِ حَاجَةٌ فِي أَنْ يَدْعَ طَعَامَهُ وَشَرَابَهُ

**Yang bermaksud:** "Barangsiapa yang tidak meninggalkan perkataan dusta dan mengerjakan pekerjaan dusta, maka Allah tidak berhajat kepadanya meninggalkan lapar dan dahaga (puasanya tertolak)".

Diharapkan dengan kehadiran Ramadan yang akan datang ini, ibadah puasa kita mencapai matlamat yang sebenar iaitu ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala. Firman Allah Subhanahu Wa Taala dalam Surah al-Baqarah ayat 183 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُنْبَ عَلَى الَّذِينَ كَمَا كُنْبَ عَلَى الَّذِينَ كَمَا كُنْبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَنَقُّلُونَ

**Yang bermaksud :** "Wahai orang yang beriman! Diwajibkan kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa."

## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu Wa Taala



Pada bulan ini juga Allah Subhanahu wa Taala membuka peluang keemasan kepada orang yang beriman untuk meraih pahala berganda dan keampunan daripada Allah Subhanahu wa Taala. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim Rasulullah Sallalahu Alaihi Wasallam bersabda:

الصَّلَوَاتُ الْخَمْسُ وَالْجُمُعَةُ إِلَى الْجُمُعَةِ وَرَمَضَانُ إِلَى رَمَضَانَ مُكَفِّرَاتٌ مَا بَيْنَهُنَّ إِذَا

اجْتَنَبَ الْكَبَائِرَ

**Yang bermaksud:** “*Solat lima waktu, Jumaat hingga Jumaat dan Ramadan hingga Ramadan adalah penghapus dosa antara keduanya selagi mana menjauhi dosa-dosa besar.*”

Ketahuilah bahawa daripada sudut kesihatan pula, puasa adalah merupakan kaedah terbaik bagi memelihara anggota badan daripada pelbagai penyakit. Puasa memberi peluang kepada organ-organ di dalam tubuh badan untuk memperbetulkan semula sistem penghadaman. Ia juga menjadi penawar mujarab kepada penyakit-penyakit kronik seperti tekanan darah tinggi, pertambahan lemak dan peningkatan gula dalam darah. Lihatlah betapa besarnya hikmah Allah Subhanahu Wa Taala mewajibkan hamba-hamba-Nya berpuasa. Selain daripada mampu meningkatkan keimanan dan ketaqwaan, ia juga bermanfaat kepada tubuh badan.

Menjelang Ramadan ini, para jemaah dan umat Islam sekalian diseru agar melipat gandakan ibadah dengan menjaga adab-adab berpuasa, solat berjemaah bersama ahli keluarga di masjid-masjid, bertadarus al-Quran, bersedekah, qiamullail, menghulurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan dan lain-lain lagi. Renungilah firman Allah Subhanahu Wa Taala dalam al-Baqarah ayat 185:



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنْزِلَ فِيهِ الْقُرْءَانُ هُدًى لِلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِنَ الْهُدَى وَالْفُرْقَانِ

فَمَنْ شَهِدَ مِنْكُمُ الْشَّهْرَ فَلَيَصُمِّمْهُ وَمَنْ كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِنْ آيَاتٍ أَخْرَى

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَى

مَا هَدَكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٨٩﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالدِّكْرِ

الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ

لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، اللَّهُ الْعَظِيمُ

فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ